

UUM Mohon Maaf Tangguh Konvokesyen Ke-23 Sesi 5 dan 6

Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 02 November 2010 13:26

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Student

2 NOVEMBER 2010 / 25 ZULKAEDAH 1431H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh Muhammad Amsyari Ismail dan Gan Yong Li

UUM Mohon Maaf Tangguh Konvokesyen Ke-23 Sesi 5 dan 6

UUM ONLINE: Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Dr. Mohamed Mustafa Ishak berkata, pihak UUM mohon maaf kepada graduan dan keluarga masing-masing kerana terpaksa membatalkan Majlis Konvokesyen Ke-23, Sidang Kedua bagi sesi kelima dan keenam selepas mengambil kira beberapa faktor keselamatan.

Pengurusan UUM membuat keputusan menangguhkan majlis konvokesyen ke-23 disebabkan banjir dan jalan untuk ke UUM telah terputus akibat hujan lebat melanda daerah Kubang Pasu, Padang Terap dan Perlis, sejak dua hari lalu.

"Ramai kakitangan UUM dan majoriti graduan serta keluarga mereka tidak dapat hadir ke konvokesyen ini kerana berdepan masalah akibat banjir di negeri itu.

"Memang sukar untuk membuat keputusan tetapi selepas diambil kira pandangan dan maklumat daripada polis, pasukan keselamatan dan rakan-rakan sekeliling, kami pihak UUM terpaksa menangguhkan juga konvokesyen sesi kelima dan keenam.

"Kalau diteruskan juga, kami khuatir banyak masalah akan timbul. Memang terdapat segelintir keluarga dan graduan kecewa dengan keputusan ini tetapi pihak kami perlu membuat keputusan demi kebaikan dan keselamatan semua pihak terbabit," katanya ketika ditemui ketika meninjau keadaan di Dewan Muadzam Shah (DMS).

Mustafa menambah pihak UUM akan memilih satu tarikh lain untuk mengadakan majlis konvokesyen kepada mereka yang terlibat.

"Majlis konvokesyen mungkin akan diadakan dalam masa dua atau tiga bulan dari sekarang. Tarikh masih belum dapat ditentukan namun dewan yang sama akan digunakan," katanya.

Seramai 1,373 graduan pada hari berkenaan terdiri daripada 831 graduan dari College of Arts and Sciences (UUM CAS) dan 543 dari College of Law, Government and International Studies (UUM COLGIS).

Menurut Mustafa lagi, graduan tidak akan dikenakan caj bayaran dua kali untuk jubah akademik apabila majlis konvokesyen ini diadakan.